

Gambir Sarawak Penahan Kesakitan

Oleh MOHAMED NAZRI MOHAMED TAHIR

GAMBIR sarawak atau nama saintifiknya *Uncaria gambir* sejenis tumbuhan pemanjat yang tumbuh liar di kebanyakan hutan di Indonesia, Malaysia, Singapura dan pulau-pulau yang bersebelahan. Di Malaysia, tumbuhan renek ini banyak terdapat di kawasan hutan tebal Sarawak. Salah satu habitatnya ialah di hutan tebal berdekatan kawasan pedalaman Long Panai, Marudi, Sarawak. Tumbuhan ini turut dikenali dengan nama lain seperti *Gambier*, *Catechu*, *Cutch*, *Bom*, *Borneo Cat's claw*, *Kerangas* dan *Una de Gato*. Masyarakat Melayu menamakan tumbuhan ini dengan nama *kekait* yang berasal daripada perkataan *kait-kait* kerana sifat batangnya yang bergelut antara satu sama lain untuk melingkar ke atas.

Daun pokok gambir sarawak berbentuk bujur dengan ukuran 8–14 sentimeter panjang dan mempunyai 4–5 pasang urat daun. Pucuk bunganya pula berukuran 2.5 sentimeter panjang dengan kelopak bunganya yang berwarna putih dan korola berwarna merah.

Gambir sarawak dijual oleh masyarakat tempatan terutamanya di Sabah dan Sarawak secara kecil-kecilan. Ia dijual oleh peniaga kecil di kaki lima, pasar malam dan gerai kecil di tepi jalan. Produk gambir ini masih tidak dikomersialkan kerana belum mendapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia.


Di Semenanjung Malaysia, gambir sarawak boleh dibeli dengan harga yang murah, iaitu RM10–RM20. Namun, harganya lebih murah di Sarawak dan Sabah. Oleh sebab harganya yang murah, ditambah pula dengan permintaan yang menggalakkan di Semenanjung Malaysia, banyak peniaga kecil mengambil kesempatan menjual gambir sarawak dengan harga yang jauh lebih mahal.

Cara penyediaan gambir sangat mudah. Daun gambir muda direbus dan kemudian

diramas serta diperah untuk mengekstrak jusnya. Jus ini dibiarkan pekat dan dikeringkan. Hasil akhir ekstrak ini boleh diubah suai mengikut bentuk yang diingini sama ada bentuk blok atau kiub. Bahagian pokok gambir yang berbeza akan menghasilkan produk gambir yang berbeza mengikut cita rasa masing-masing. Misalnya, masyarakat cina merebus ranting pokok gambir dalam tempoh yang lama dan hasil akhir produk dikeringkan untuk menghasilkan produk gambir yang berlainan cita rasa. Secara tradisinya, gambir dikunyah bersama-sama sirih pinang. Kaedah ini akan meninggalkan kesan pewarna asli berwarna merah pada mulut dan menyebabkan kesan mabuk yang ringan. Kadangkala gambir dikunyah begitu sahaja.

Keseluruhan bahagian pokok gambir mempunyai kesan pemedih (*astringen*). Hal ini demikian kerana daun tumbuhan ini mempunyai tanin (sejenis *astringen*) yang dinamakan katekin. Katekin mempunyai paras pH sangat tinggi menyebabkan tumbuhan ini bersifat asid. Secara umum, tanin boleh ditemui dalam hampir semua jenis tumbuhan di seluruh pelusok dunia. Namun, kandungannya berbeza-beza mengikut jenis tumbuhan. Contohnya kandungan tanin dalam daun teh hijau jauh lebih tinggi berbanding dengan kandungannya dalam alga.

Tanin yang terkandung dalam kebanyakan tumbuhan termasuklah gambir sarawak sangat berguna dalam merawat pelbagai penyakit. Ia berguna sebagai agen yang melindungi tubuh daripada jangkitan virus, bakteria dan parasit. Contohnya, apabila jus anggur merah yang mempunyai kandungan tanin padat yang tinggi diperam, jus ini mampu membuatkan virus seperti herpes *simpleks*, poliovirus, dan virus enterik yang lain menjadi tidak aktif di dalam badan. Selain itu, terdapat kajian yang membuktikan bahawa tanin berfungsi sebagai



Daun gambir muda direbus dan kemudian diramas untuk mendapatkan ekstrakny.



Gambir sarawak digunakan secara meluas dalam rawatan perubatan tradisional.



Gambir sarawak dikomersialkan untuk kegunaan luaran dan bukan untuk dimakan.

agen antikerengsaan, antiulser dan sangat berguna kepada pesakit saraf.

Gambir sarawak sememangnya terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan dalam rawatan tradisional. Penggunaannya menjadi alternatif kepada rawatan moden yang mahal. Contohnya, masyarakat Melayu menggunakan gambir sebagai losen untuk merawat kesan

lecur. Ia juga dipercayai boleh merawat kelemumur. Kebiasaannya digunakan oleh masyarakat India dan Melayu untuk mengubati cirit-birit, disenteri (cirit-birit berdarah) serta dikumur untuk merawat sakit tekak. Fungsi utama gambir sarawak dalam perubatan tradisional ialah sebagai bahan penahan sakit. Contohnya, gambir dihancurkan dan ditampal pada gigi geraham yang sakit. Kaedah ini akan menyebabkan gigi berdenyut-denyut selama lima minit dan seterusnya kesakitan itu beransur hilang.

Selain sakit gigi, gambir turut digunakan untuk melegakan kesakitan akibat gigitan haiwan berbisa seperti ular, kala jengking dan sebagainya, sebelum dibawa ke hospital. Ia juga berfungsi seperti ubat bius untuk kanak-kanak semasa upacara berkhitan. Gambir yang dihancurkan dan dibancuh dengan sedikit air perlu disapu pada kemaluan kanak-kanak. Sapuan ini akan mewujudkan rasa kebas pada kemaluan di samping sedikit rasa panas.

Di Borneo pula, gambir digunakan untuk merawat sakit belakang dan siatika (sejenis penyakit saraf yang menyerang bahagian bawah tulang belakang dan kaki). Selain khasiat kesihatan, gambir digunakan dalam pembuatan pakaian sebagai pewarna untuk fabrik kapas dan sutera. Ia menghasilkan warna asli perang kemerahan yang menjadi warna asal pakaian "khaki". Selain itu, gambir sarawak digunakan sebagai bahan penyamak kulit dan kosmetik.

Gambir sarawak jika dimakan dalam jumlah yang banyak akan membawa kepada beberapa kesan sampingan seperti loya, cirit-birit, bengkak pada kaki dan kerosakan buah pinggang. Memandangkan gambir Sarawak bertindak sebagai sedatif, pengambilan secara oral yang berlebihan akan meninggalkan kesan anestesia (lali). Selain itu, pengambilan gambir dalam jumlah yang banyak juga mampu mengakibatkan kerengsaan perut dan menyebabkan sakit gastrousus (salur pencernaan). Oleh itu, penggunaan berlebihan atau secara kerap tumbuhan herba semula jadi yang mengandungi katekin ini tidak digalakkan.

Gambir sarawak menjadi semakin popular dan permintaannya semakin meningkat terutamanya dalam kalangan kaum lelaki

apabila digunakan sebagai bahan bantuan dalam hubungan intim. Ia membantu mengatasi masalah ejakulasi pra-matang dalam kalangan lelaki sekali gus memberikan kepuasan kepada pasangan mereka dalam hubungan intim. Kaedah penggunaannya sangat mudah dan praktikal kerana gambir digunakan secara luaran untuk tujuan ini dan tidak perlu dimakan. Ramai yang mengakui keberkesanan *Uncaria gambir* dan mengiktiraf gambir sarawak sebagai bahan bantuan dalam hubungan intim. Namun, kesan sampingan bahan ini kepada tubuh apabila digunakan untuk tujuan itu masih samar-samar.

Tiada kajian atau terlalu sedikit kajian yang membuktikan bahawa tumbuhan semula jadi yang kaya dengan kandungan katekin ini selamat digunakan untuk tujuan itu. Seorang pakar sakit tuan yang terkenal menyatakan dalam laporan akhbar bahawa penggunaan gambir sarawak secara berlebihan boleh mengakibatkan kesan sampingan seperti melecet pada kemaluan lelaki hingga boleh menyebabkan luka, keradangan dan jangkitan bakteria. Yang Lebih teruk, mengakibatkan kerosakan saraf di kawasan yang sensitif. Namun, sejauh mana kesahihan dakwaan ini masih memerlukan penyelidikan terperinci. Oleh itu, pengguna perlu berhati-hati menggunakan produk ini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku. Pelbagai cara lain boleh dilakukan bagi mengatasi masalah ejakulasi pramatang.

Walaupun *Uncaria gambir* sejenis tumbuhan yang sangat berguna kepada manusia, kesan sampingannya tidak boleh dipandang enteng. Oleh itu, pengguna perlu bijak dalam memilih produk herba yang ingin digunakan dalam rawatan tradisional. Walaupun ia produk semula jadi, kaedah penggunaan yang salah dan berlebih-lebihan boleh membawa kemudarat. Pengguna digalakkan untuk mendapatkan nasihat pakar perubatan terlebih dahulu untuk khidmat nasihat. **OK**

Mohamed Nazri Mohamed Tahir, Pegawai Sains, Unit Pendidikan dan Pencegahan, Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.